

19/05/2002

Perjuangan bela Melayu asas keteguhan Umno

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, faktor Umno semakin teguh dan terus mendapat sokongan orang Melayu kerana ia adalah parti sebenar membela nasib orang Melayu sejak sebelum merdeka hingga sekarang.

Beliau menegaskan, kelahiran Umno sendiri adalah hasil cetusan hati orang Melayu dan kekuatan parti sebenarnya ialah kerana sokongan orang Melayu, sama ada dari kampung atau bandar.

"Ahli-ahli Umno sama ada di desa, bandar ataupun kota adalah sama saja dan tidak ada bezanya. Bagi Umno, semua ahli parti setia dan mendokong perjuangan Umno untuk membela nasib bangsa.

"Matlamat kita adalah satu, perjuangan kita adalah sama," katanya dalam perutusan sempena Konvensyen Umno Wilayah Persekutuan 2002 yang bertemakan 'Umno: Mensejahterakan Melayu Bandar'.

Konvensyen sehari itu dirasmikan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, dalam semua pilihan raya umum, Umno terus dapat bertahan sama ada di luar bandar mahupun di dalam bandar. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Umno tidak pernah hilang kerusi yang dipertandingkan dalam setiap kali pilihan raya.

"Jika tanpa sokongan orang Melayu bandar sudah tentu Umno tidak mampu bertapak dalam Kuala Lumpur," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan kerana dengan berani mengambil inisiatif mengadakan konvensyen itu.

"Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa Umno telah menjadi tempat bernaung orang Melayu dan menjadi wadah untuk rakyat mencurahkan segala rintihan serta tuntutan membela nasib mereka.

"Orang Melayu bandar seperti warga Kuala Lumpur tidak pernah dilupakan oleh Umno kerana orang Melayu di mana saja berada adalah anak bangsa yang perlu dibela dan dipertahankan," katanya.

Dalam perutusan yang sama, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata Melayu bandar menjadi sebahagian daripada kekuatan Umno terutama di ibu negara sejak merdeka sehingga kini dengan tidak mengenyepikan sumbangan orang Melayu luar bandar.

Katanya, taraf hidup, pendidikan dan keperluan perumahan Melayu bandar tetap sama malah mungkin perlu diberi lebih perhatian berbanding golongan Melayu luar bandar meskipun jika ditinjau dari segi infrastruktur dan keperluan asas lain seperti mencukupi.

"Tanpa mahu membezakan di antara Melayu bandar dan luar bandar, Umno Wilayah Persekutuan mengambil pendekatan untuk melihat, menghalusi dan mencari sesuatu yang tersembunyi di sebalik keindahan kehidupan Melayu bandar Kuala Lumpur untuk diangkat serta bersama-sama mencari penyelesaiannya.

"Melalui konvensyen ini diharapkan ia dapat diguna untuk memikul tanggungjawab mencari inisiatif bagi membela nasib Melayu bandar. Nasib Melayu bandar adalah nasib kita dan demi masa depan Umno di Wilayah Persekutuan," katanya.

(END)